



Seorang wanita melihat aksi penunjuk perasaan di Bhubaneswar, India, kelmarin.

[FOTO AP]



Pelajar melaungkan slogan meminta hukuman berat kepada perogol ketika protes di Bangalore, India.

[FOTO AP]

# Nilai Barat punca perkosa

» *Pemimpin kanan Hindu dakwa banyak kejadian berlaku di bandar*

■ **New Delhi**

**K**ontroversi baru meletus di India selepas seorang pemimpin konservatif memperalakan 'nilai Barat' sebagai punca rogol berlaku di India.

Selain itu, pemimpin Rashtriya Swayamsevak Sangh (RSS), Mohan Bhagwat juga menyatakan bahawa kejadian rogol banyak berlaku di kawasan bandar dan tidak di kawasan pedalaman.

"Jenayah seperti itu jarang berlaku di 'Bharat' (kawasan kampung) tetapi kerap berlaku di bandar," kata Bhagwat kepada pekerja RSS di Silchar, Assam.

"Kamu pergi ke kampung dan hutan di negara ini, tiada insiden

seperti rogol ramai-ramai atau jenayah seks berlaku.

"Ia lebih berleluasa di kawasan tertentu bandar. Selain memperkenalkan undang-undang baru, kita patut nilai semula tabiat dan budaya berdasarkan nilai tempatan," katanya lagi.

Bagaimanapun, data mahkamah menunjukkan 75 peratus kes rogol yang membawa kepada hukuman terhadap tertuduh sejak 25 tahun lalu, berlaku di kawasan pedalaman India.

Data itu didedahkan oleh profesor Universiti Undang-Undang Kebangsaan di New Delhi, Mrinal Satish.

## **Dikecam Parti Kongres**

Ulasan Bhagwat dikecam Parti Kongres, CPI-M dan pertubuhan wanita, lebih dua minggu selepas seorang wanita berusia 23 tahun diperkosa di ibu negara.

Kejadian itu menyebabkan pelbagai pihak mendesak pihak berkuasa mengenakan hukuman lebih berat terhadap perogol.

Pemimpin kanan Parti Kongres, Digvijaya Singh, berkata ulasan Bhagwat menunjukkan tahap pemikiran mereka yang sempit.

“  
Beliau hanya merujuk kepada tradisi India dan sikap menghormati wanita. Beliau juga menggesa hukuman berat dikenakan terhadap penjenayah itu termasuk hukuman mati”

**Ravi Shankar Prasad,**  
Jurucakap BJP

"Rogol boleh berlaku di mana-mana saja. Perbuatan itu sepatutnya dihalang dan pesalahnya wajar dikenakan hukuman setimpal," katanya.

Sekutu RSS, Parti Bharatiya Janata (BJP) meminta supaya ulasan Bhagwat dilihat dengan perspektif sewajarnya.

"Beliau hanya merujuk kepada tradisi India dan sikap menghormati wanita. Beliau juga menggesa hukuman berat dikenakan terhadap penjenayah itu termasuk hukuman mati," kata jurucakap BJP, Ravi Shankar Prasad.

Agensi

## Sepintas

○ **COLOMBO**

## Protes rogol makin meluas

Bantahan terhadap keganasan seksual merebak ke seluruh Asia Selatan selepas kemarahan berterusan terhadap kejadian seorang wanita diperkosa di New Delhi baru-baru ini.

Protes terhadap jenayah itu meledak di Nepal, Sri Lanka, Pakistan dan Bangladesh selepas bantahan di India berterusan sejak tiga minggu lalu.

Aktivist berkata, ramai wanita di rantau berkenaan menjadi mangsa keganasan domestik dan seksual. Agensi



○ **NEW DELHI**



## Orang ramai lambat bantu

Derita seorang pelajar lelaki dan temannya yang diserang sebelum wanita berkenaan dirogol dan dipukul selama dua jam setengah, tidak berakhir selepas itu.

Selepas dibiarkan dalam keadaan bogel di tepi jalan, orang ramai yang lalu lalang tidak peduli manakala polis berbincang mengenai siapa yang patut menguruskan mereka sebelum menghantar mangsa ke hospital.

"Kawan saya parah dan luka teruk. Pemandu kereta dan motosikal memperlakukan kenderaan melihat kami sebelum berlalu.

"Saya minta bantuan mereka. Orang yang berhenti sekadar melihat kami, bertanya apa yang berlaku. Tetapi, tiada yang cuba membantu," katanya kepada pemberita televisyen.

AP